

Tiada halangan bangkit ekonomi umat Islam

BH - 3 SEP 2000

Daripada **MIOR KAMARUL SHAHID**

CHICAGO: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menerima anugerah kejayaan cemerlang American Finance House (AFH) - Lariba, malam tadi, memberi rangsangan kepada umat Islam bahawa tidak ada perkara yang boleh menghalang kebangkitan semula ummah dalam bidang ekonomi walaupun dunia dikuasai bukan Islam.

Sambil menerima tepukan gemuruh daripada hadirin, Perdana Menteri berkata, masa depan ekonomi umat Islam terletak di tangan umat Islam sendiri.

"Benar, kita hidup di dunia, tetapi dari segi politik dan ekonominya, dikuasai bukan Islam. Benar, kita hidup di dunia yang tidak memihak kepada umat Islam. Tetapi tidak ada perkara yang boleh menghalang ummah daripada bangkit semula, jika mereka ber tekad melakukannya," katanya.

Dr Mahathir berkata, berbanding kejayaan Islam pada masa lalu yang mana Empayar Parsi dan Roman jatuh ke tangan Islam, keadaan hari ini sungguh berbeza.

Oleh itu, katanya, sekarang adalah masanya bagi negara Islam melihat diri dan membuat keputusan untuk mara serta memikirkan cara mana untuk melakukannya.

Perdana Menteri berkata, perubahan paling penting yang perlu dilakukan oleh dunia Islam ialah menerima realiti dan membuat penyesuaian tanpa mengabaikan fundamental Islam.

Fundamental Islamlah yang mencipta abad-abad keagungan tamadun Islam, malangnya, apa yang dipanggil fundamental Islam hari ini hanya berminat untuk memerangkap Islam, ia

bukan fundamental sebenar.

Katanya, cara mereka hanya menimbulkan perpecahan di kalangan umat Islam, membantut kemajuan serta menjadi punca mereka ditindas oleh orang lam.

Katanya, jihad sebenar adalah perjuangan untuk menyatupadukan umat Islam dan mengumpul segala kekuatan, ilmu dan kemahiran bagi membolehkan umat Islam bebas daripada penindasan dan mampu menggerakkan semula tamadun umat Islam.

Anugerah seumur hidup itu diserahkan oleh Pengasas AFH - Lariba, Dr Yahia Abdul Rahman, pada satu majlis yang dihadiri kira-kira 20 tokoh dan sarjana Islam dari seluruh dunia di Pusat Kebudayaan Islam Greater Chicago, Northbrook, Illinois, dekat sini.

Anugerah Lariba, singkatan kepada Los Angeles Reliable Investment Bankers Associates, adalah sebagai mengiktiraf sumbangan Dr Mahathir menyelesaikan krisis kewangan di Malaysia di samping merangka hala tuju baru pembangunan ekonomi, dasar kewangan, kepelbagaian budaya dan persefahaman kaum. Ini adalah anugerah pertama yang pernah diberikan oleh AFH kepada mana-mana tokoh dunia.

Dr Mahathir berkata walaupun beliau menerima dan menghargai anugerah itu, tetapi katanya, majoriti rakyat Malaysia yang sebenarnya layak menerima anugerah itu kerana memberi sokongan yang jujur, memahami dan memberi kerjasama untuk mempertahankan ekonomi negara daripada percubaan untuk menghancurkannya oleh kuasa tertentu. Ia dilakukan tanpa mendapat bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) atau Bank Dunia serta negara lain.

Pada majlis itu, Dr Mahathir mencecitkan pengalaman Malaysia dalam menghadapi kegawatan ekonomi bermula dengan serangan ke atas Baht, Thailand pada Julai 1997 hinggalah kepada langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.

"Kami terpaksa memerah otak untuk mencari jalan penyelesaian yang membolehkan kami terus bebas. Alhamdulillah, dengan bimbingan Allah,

LIHAT MUKA 2

Halangan bangkit ekonomi umat Islam
- 3 SEP 2000
DARI MUKA 1

kami merumuskan satu formula yang berjaya menyelamatkan negara dan ummah di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata krisis mata wang tidak sepatutnya berlaku sekiranya matlamat sistem kewangan dunia adalah untuk memberi kemudahan perdagangan dan interaksi ekonomi sesama negara, termasuk pelaburan terus asing (FDI). Malangnya, kuasa kapitalis mahukan lebih daripada sepatutnya untuk tujuan menjayakan agenda politik mereka.

Perdana Menteri berkata pengalaman Malaysia dalam menangani kegawatan ekonomi dan kewangan boleh diteladani oleh negara-negara membangun, terutama Persidangan Pertubuhan Islam (OIC).

Sementara itu, ketika menjawab soalan hadirin, Dr Mahathir yakin bahawa masa depan bank tanpa faedah adalah cerah walaupun selepas 2020.

Amalan di Malaysia, katanya membuktikan sistem bank Islam diterima bukan saja oleh umat Islam tetapi juga bukan Islam. Sistem bank tanpa faedah memberi peluang kepada rakyat untuk membuat pemilihan seluas-luasnya.

Menjawab satu lagi soalan mengenai keadaan politik sebuah negara Islam, Dr Mahathir berkata masalah di sesebuah negara tidak mudah diselesaikan hanya dengan tindakan menjatuhkan sesebuah kerajaan.

Ini kerana pengikut kerajaan yang jatuh akan cuba menjatuhkan kerajaan baru dan keadaan ini akan berterusan.